



HUKUMAN MATI DI MALAYSIA PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG & PERLEMBAGAAN

PROFESSOR MADYA DR KHAIRIL AZMIN MOKHTAR

PENSYARAH UNDANG-UNDANG, PERLEMBAGAAN (TATANEGARA) & HAK ASASI
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

ka_mokhtar@iium.edu.my

Sejarah Hukuman Mati di Malaysia

- Di awal kurun ke 15 Masihi, perlaksanaan hukuman mati adalah sebahagian dari perlaksanaan Undang-Undang Islam yang bermula apabila Sultan Melaka, Sultan Iskandar Shah menerima Islam dan menjadikan Undang-Undang Islam beserta Adat sebagai Undang-Undang Negeri.
- *Kanun Melaka* dan *Kanun Laut Melaka* yang digubal sekitar tahun 1444 Masihi meliputi jenayah hudud, qisas dan takzir.

Jenayah	Hukuman	Peruntukan Hukum Kanun Melaka
Mencuri	Potong Tangan	<i>Fasal 7:2</i>
<i>Qazaf</i>	Sebatan 80 kali	<i>Fasal 12:3</i>
Minum arak	Sebatan 40 kali	<i>Fasal 42</i>
Membunu	Dibunu	<i>Fasal 43</i>
Menderhaka kepada pemerintah	Dibunu	<i>Fasal 5:42</i>
Murtad	Dibunu	<i>Fasal 36:1</i>

Sejarah Hukuman Mati di Malaysia

- ▶ Kanun Melaka telah mempengaruhi beberapa buah negeri sebagaimana yang dapat dilihat dalam Kanun Pahang, Kanun Johor, Kanun Kedah, Perlembagaan Terengganu dan Perlembagaan Negeri Johor.
- ▶ Pada zaman penjajahan kolonial Belanda dan Portugis orang Melayu masih mengamalkan Undang-Undang Islam dan Adat.
- ▶ Kes-kes yang diputuskan oleh Hakim-Hakim Inggeris menunjukkan bahawa *Lex Loci* (Undang-Undang Tempatan) ialah Undang-Undang Islam.
- ▶ Sistem politik, undang-undang dan pendidikan Melayu, adalah sebahagian dari kebudayaan Melayu yang berteraskan Islam.

Sejarah Hukuman Mati di Malaysia

- ▶ Kedatangan British ke Tanah Melayu telah mengubah pelbagai sistem yang sedia ada termasuklah sistem politik, undang-undang dan pendidikan.
- ▶ Bermula dengan Perjanjian Pangkor pada tahun 1874 seorang demi seorang Sultan bersetuju menerima Residen Inggeris selaku penasihat sultan dalam semua aspek pemerintahan dan pentadbiran kecuali dalam perkara-perkara berkaitan dengan agama Islam dan adat Melayu.
- ▶ Bagi membolehkan British mengguna pakai Undang-Undang British di Negeri-negeri Selat, Piagam Keadilan Pertama (1807), Kedua (1826) dan Ketiga (1855) telah diperkenalkan. Sebagai ‘Tanah Jajahan British’ undang-undang Inggeris terpakai di negeri-negeri Selat secara automatik.
- ▶ Di Negeri-Negeri Melayu dua cara yang digunakan untuk menyerapkan Undang-Undang Inggeris iaitu melalui (1) cara perundangan dan (2) keputusan hakim.

Sejarah Hukuman Mati di Malaysia

- ▶ Pada tahun 1871 **Kanun Keseksaan Neger-Negeri Selat** diperkenalkan di Melaka dan Pulau Pinang. Pada 1936 **Kanun Keseksaan** diperkenalkan pula di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, dan seterusnya pada 1948 **Kanun Keseksaan** terpakai kepada semua negeri di Semenanjung Tanah Melayu atau Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- ▶ Penguatkuasaan Undang-Undang Inggeris melalui penggubalan Undang-Undang Jenayah tersebut menyebabkan kesalahan-kesalahan jenayah tidak lagi mengikuti Undang-Undang Islam.
- ▶ Perkembangan Undang-Undang Inggeris yang berlaku berterusan sehingga mengakibatkan Undang-Undang Islam semakin terhad pada bidang keluarga, keagamaan, akhlak dan undang-undang diri sahaja. Pengaruh Inggeris juga membawa pada terhadnya kuasa mahkamah syariah negeri-negeri.

KESALAHAN HUKUMAN MATI



UNDANG-
UNDANG
KESALAHAN
HUKUMAN
MATI

Kanun Keseksaan	17 Kesalahan	
Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat 1971)		2 Kesalahan
Akta Senjata 1960	2 Kesalahan	
Akta Penculikan 1961	1 Kesalahan	
Akta Angkatan Tentera 1972	3 Kesalahan	
Akta Industri Perkhidmatan Air 2006	2 Kesalahan	
Akta Perdagangan Strategik 2010	3 Kesalahan	
Akta Dadah Berbahaya 1952	2 Kesalahan	

Kesalahan Hukuman Mati di Malaysia

Kanun Keseksaan	Kesalahan
Seksyen 121	Berperang atau mencuba berperang atau menyubahati perang melawan Yang di -Pertuan Agong atau Raja atau Yang diPertua Negeri
Seksyen 121A	Kesalahan-kesalahan terhadap tubuh Yang di-Pertuan Agong.
Seksyen 130C	Melakukan perbuatan keganasan
Seksyen 130I	Mengarahkan aktiviti kumpulan pengganas
Seksyen 130N	Menyediakan atau mengumpul harta untuk perbuatan keganasan
Seksyen 130O	Menyediakan perkhidmatan bagi maksud keganasan
Seksyen 130QA	Menerima suapan untuk memudahkan atau membolehkan perbuatan keganasan
Seksyen 130ZB	Menerima suapan untuk memudahkan atau membolehkan aktiviti jenayah terancang
Seksyen 132	Menyubahati Dahagi, jika dahagi dilakukan oleh sebab subahat itu

Kesalahan Hukuman Mati di Malaysia

Kanun Keseksaan	Kesalahan
Seksyen 194	Memberi atau mereka keterangan palsu dengan niat hendak mendapat sabitan atas kesalahan hukum bunuh.
Seksyen 302	Siksaan bagi kesalahan membunuh orang.
Seksyen 305	Menyubahati kanak-kanak atau orang gila membunuh diri.
Seksyen 307(2)	Mencuba membunuh orang.
Seksyen 364	Penculikan.
Seksyen 374A	Penyanderaan tebusan.
Seksyen 376(4)	Siksaan bagi rogol.
Seksyen 396	Rompak berkumpul serta membunuh orang.

Akta Penculikan 1961	Kesalahan
Seksyen 3(1)	Penculikan, Penahanan yang salah atau penahanan yang salah untuk tebusan.
Akta Senjata 1960	Kesalahan
Seksyen 14	Penalti bagi pengilangan tanpa lesen dan kerana melanggar syarat-syarat lesen.
Seksyen 38	Peruntukan-peruntukan tentang memendekkan senjata dan mengubah bentuk senjata tiruan.

Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971	Kesalahan
Seksyen 3	Penalti kerana melepaskan tembakan daripada sesuatu senjataapi pada melakukan kesalahan berjadual
Seksyen 3A	Penalti bagi rakan sejenayah dalam hal melepaskan tembakan senjata api
Seksyen 7(1)	Penalti kerana berdagang senjata api

Akta Angkatan Tentera 1972	Kesalahan
Seksyen 41	Membuat perhubungan dengan musuh
Seksyen 47	Dahagi (Pemberontakan)
Seksyen 48	Tidak menghapuskan dahagi

Kesalahan Hukuman Mati di Malaysia

Akta Perdagangan Strategik 2010	Kesalahan
Seksyen 9	Eksport, pemindahan dan transit barang strategik dan barang tidak tersenarai
Seksyen 10	Pemberian bantuan teknikal
Seksyen 11	Pembrokeran barang strategik
Seksyen 12	Transaksi yang melibatkan barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad

Akta Industri Perkhidmatan Air 2006	Kesalahan
Seksyen 121	Kesalahan mengenai pencemaran air

Akta Dadah Berbahaya 1952	Kesalahan
Seksyen 39B	Mengedar dadah berbahaya

Hukuman Mati Mandatori

- Hukuman mati mandatori bermaksud hakim hanya boleh menjatuhkan hukuman itu kepada individu yang disabit bersalah mengikut seksyen/kesalahan tersebut.
- Bagi jenayah-jenayah lain, hukuman terletak kepada budi bicara hakim.
- Hukuman Mati Mandatori - 12 Kesalahan Jenayah**

Hukuman Mati Mandatori

Kanun Keseksaan	
Seksyen 121A	Kesalahan-kesalahan terhadap tubuh Yang di-Pertuan Agong.
Seksyen 130C	Melakukan perbuatan keganasan
Seksyen 130I	Mengarahkan aktiviti kumpulan penganas
Seksyen 130N	Menyediakan atau mengumpul harta untuk perbuatan keganasan
Seksyen 130O	Menyediakan perkhidmatan bagi maksud keganasan
Seksyen 130QA	Menerima suapan untuk memudahkan atau membolehkan perbuatan keganasan
Seksyen 130ZB	Menerima suapan untuk memudahkan atau membolehkan aktiviti jenayah terancang
Seksyen 302	Siksaan bagi kesalahan membunuh orang.
Seksyen 307(2)	Mencuba membunuh orang
Seksyen 374A	Penyanderaan tebusan

Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971

Seksyen 3	Penalti kerana melepaskan tembakan daripada sesuatu senjata tipe pada melakukan kesalahan berjadual
Seksyen 3A	Penalti bagi rakan sejenayah dalam hal melepaskan tembakan senjata api

Hukuman Mati – Gantung Sampai Mati

Seksyen 277 Kanun Acara Jenayah

Apabila individu dijatuhkan hukuman mati, hukuman harus mengarahkan dia digantung di leher sehingga mati.

Bagaimanapun ada dua pengecualian:

O Seksyen 275 Kanun Acara Jenayah

Hukuman mati tidak boleh dijatuhkan kepada perempuan mengandung

O Seksyen 97 Akta Kanak-kanak

Hukuman mati tidak boleh dijatuhkan kepada kanak-kanak berusia bawah 18 tahun.

Sebagai gantinya, mereka boleh dihukum penjara seumur hidup.

Kesahan Hukuman Mati Dari Perspektif Perlembagaan

Hak Asasi – Hak Untuk Hidup

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Perkara 5. Kebebasan diri

(1) Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.

○ Pengecualian

‘Diambil nyawanya ...mengikut undang-undang.’

Undang-Undang yang adil – Diberi Hak untuk Dibicara.

Kes Kesahan Hukuman Mati Dari Perspektif Perlembagaan **PENDAKWA RAYA v YEE KIM SENG [1983] 1 MLJ 252**

Tertuduh telah didakwa kerana memiliki bom tangan di kawasan keselamatan tanpa alasan yang sah dan tanpa kuasa yang sah, suatu kesalahan yang boleh dihukum mati di bawah **seksyen 57 (1) (b) Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960**.

Tertuduh mengemukakan bahawa **hukuman mati mandatori** yang ditetapkan di bawah seksyen 57 (1) (b) Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 adalah tidak berperlembagaan kerana melanggar

- Artikel 5 (1) Perlembagaan Persekutuan – Hak Untuk Hidup
- Artikel 8 (1) Perlembagaan Persekutuan – Hak Kesamarataaan
- Artikel 121 (1) Perlembagaan Persekutuan – Kuasa Kehakiman oleh Mahkamah
- Artikel 149 (1) Perlembagaan Persekutuan - Kuasa Khas Melawan Aktiviti Subversif

Kes Kesahan Hukuman Mati Dari Perspektif Perlembagaan

PENDAKWA RAYA v YEE KIM SENG [1983] 1 MLJ 252

- Perkara 5 (1) Perlembagaan Persekutuan tidak dilanggar karena tertuduh tidak akan kehilangan nyawa atau kebebasan pribadinya kecuali mengikutundang-undang. Undang-undang dalam hal ini adalah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang merupakan undang-undang yang benar-benar sah yang diluluskan oleh Parlimen.
- Seksyen 57 (1) (b) Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak bertentangan dengan artikel 149 (1) Perlembagaan Persekutuan.
- Hak kesamarataan (Perkara 8) tidak dilanggar apabila tertuduh didakwa di bawah seksyen 57 (1) (b) Akta Keselamatan Dalam Negeri dan bukan di bawah seksyen 8 Akta Senjata. Ini berdasarkan artikel 145 (3) Perlembagaan Persekutuan dimana Pendakwa Raya memiliki hak prerogatif untuk memutuskan di bawah undang-undang mana seseorang akan dituduh.

Kes Kesahan Hukuman Mati Dari Perspektif Perlembagaan

PENDAKWA RAYA v YEE KIM SENG [1983] 1 MLJ 252

- Berdasarkan artikel 121 (1) Perlembagaan Persekutuan, Mahkamah Tinggi diberikan kuasa kehakiman yang bermaksud bahawa mahkamah mempunyai kuasa untuk memutuskan kes-kes sivil dan jenayah yang dihadapkan ke mahkamah. Dalam perbicaraan jenayah, Mahkamah Tinggi diberi kuasa untuk menjatuhkan hukuman mengikut undang-undang dan jika undang-undang menetapkan hukuman mati wajib, Mahkamah Tinggi tidak mempunyai pilihan selain menjatuhkan hukuman itu. Walaupun mahkamah tidak mempunyai piluhan dalam menetapkan hukuman ini tidak menjadikan hukuman mati mandatori tidak berperlembagaan.
- Mahkamah wajib mentadbir undang-undang seperti yang terdapat dalam undang-undang. Sama ada hukuman mati adalah bermoral atau tidak bukannya untuk mahkamah menentukannya tetapi Parlimen yang berhak emutuskannya.

Kes Kesahan Hukuman Mati Dari Perspektif Perlembagaan

LAU KEE HOO v PP [1984] 1 MLJ 110

Tertuduh berujah bahawa hukuman mati mandatori di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 adalah tidak berperlembagaan.


Mahkamah Persekutuan menolak rayuan tertuduh dan mengikut keputusan kes Yee Kim Seng yang telah diputuskan terdahulu.

Hakim menyatakan bahawa Parlimen mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang bagi menjatuhkan hukuman mati mandatori khususnya di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Hak dan kuasa parlimen untuk menggubal undang-undang yang menetapkan hukuman tersebut tidak pernah diragukan oleh mahkamah dan tidak dipersoalkan lagi.

HUKUMAN MATI

**PERKEMBANGAN TERKINI –
ASPEK POLITIK DAN SOSIAL**



Manifesto Pakatan Harapan

Pakatan Harapan (PH) menjadikan pemansuhan hukuman mati sebagai janji manifesto PRU ke-14 (2018).

Janji 27: Menghapuskan undang-undang yang zalim.

Kerajaan Pakatan Harapan akan memansuhkan hukuman gantung mandatori dalam semua akta

Kerajaan Pakatan Harapan (2018-2020)

Pada mulanya kerajaan PH merancang untuk memansuhkan semua yang berkaitan hukuman itu tetapi kemudian mengumumkan ia akan digantikan dengan pejara selama 30 tahun.

Tahun lalu, kerajaan PH mengumumkan moratorium terhadap semua hukuman mati sementara menunggu pindaan undang-undang berkaitan.

Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori yang dipengerusikan oleh bekas ketua hakim negara Richard Malanjum telah dibentuk ditubuhkan kerajaan pada 29 Ogos 2019.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Liew Vui Keong berkata hanya hukuman mati mandatori dimansuhkan bukannya semua hukuman mati. (Januari 16, 2020).

Jawatankuasa Khas telah membentangkan hasil kajian mereka yang mengandungi beberapa cadangan berhubung perkara itu kepada kerajaan pada 12 Februari 2020.

9 Mac – Kerajaan Baru Dibentuk - Kerajaan Perikatan Nasional.

Reaksi Rakyat

- Buat Referendum
- Keluarga Mangsa Jenayah Bantah
- Tinjauan pendapat dijalankan akhbar Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) (NSTP) Berhad secara dalam talian mengenai pemansuhan hukuman mati mandatori - undian melalui laman Facebook dan Twitter oleh 22,000 pelayar laman sosial (2018):

82 peratus tidak bersetuju ia dihapuskan

18 peratus mahu cadangan itu diteruskan